

HONG LEONG ISLAMIC BANK BERHAD
“PROMOSI BONUS 7-HARI TIA-i”

TERMA DAN SYARAT PROMOSI

Terma dan Syarat Akaun Pelaburan Berjangka-i daripada Hong Leong Islamic Bank (“**TIA-i**”) ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Terma dan Syarat Am TIA-i dan sebarang terma-terma dan syarat-syarat lain yang relevan sebagaimana yang dikenakan oleh Hong Leong Islamic Bank Berhad 200501009144 (686191-W) (“**HLISB**” atau “**Bank**”) dari semasa ke semasa dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari kalender sebelum dilaksanakan, termasuk juga undang-undang dan peraturan-peraturan lain yang terpakai ke atas HLISB.

Terma dan Syarat ini hanya diguna pakai ke atas TIA-i, iaitu Akaun Pelaburan Tidak Terhad (UA) yang membenarkan langganan dana serta pengeluaran dilakukan melalui Perkhidmatan Perbankan Digital Hong Leong (“**Hong Leong Connect**”).

“**Promosi Bonus 7-Hari TIA-i**” HLISB (“**Promosi**”) ini akan bermula dari 31 January 2019 dan berakhir pada 6 Januari 2020, termasuk kedua-dua tarikh tersebut (“**Tempoh Promosi**”) melainkan diberitahu sebaliknya.

Terma & Syarat

Terma dan Syarat Promosi adalah seperti berikut:-

Kelayakan

1. Promosi terbuka kepada individu dan perniagaan tunggal (“**Pelabur**”) yang merupakan pemegang akaun utama bagi Akaun Semasa-i atau Simpanan-i HLISB (“**CASA-i**”) / Akaun Semasa atau Simpanan Hong Leong Bank Berhad (“**HLBB**”) (“**CASA**”) dan yang telah mendaftarkan diri untuk Hong Leong Connect sebelum atau semasa Tempoh Promosi.
2. Pemegang Akaun Bersama CASA-i / CASA tidak layak untuk membuka atau mengendalikan TIA-i dan tidak layak menyertai Promosi ini.
3. Promosi ini hanya terbuka untuk langganan baharu yang dibuat sepanjang Tempoh Promosi sahaja. Pelabur yang telah melanggan pembaharuan secara automatik adalah tidak layak untuk menyertai Promosi ini, melainkan pelaburan sedia ada ditebus dan pelabur membuat langganan baharu dalam Tempoh Promosi.
4. Pelabur yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLISB / HLBB atau telah diisyiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi **TIDAK** layak menyertai atau akan serta-merta dilucutkan kelayakannya daripada menyertai Promosi.
5. Pelabur yang telah melakukan, atau ditentukan oleh HLISB / HLBB berpotensi melakukan sebarang perbuatan salah yang dinyatakan di dalam ini akan dilucutkan kelayakannya daripada menyertai Promosi.

Kadar Indikatif Promosi untuk TIA-i & Langganan Dana

Bagi melayakkan diri untuk menikmati Kadar Indikatif Promosi di bawah Promosi ini, Pelabur dikehendaki membuat jumlah langganan pelaburan tunggal minima TIA-i dalam Tempoh Promosi seperti yang tertera dalam jadual di bawah:-

Tempoh Promosi	Tempoh Pelaburan	Nisbah Perkongsian Untung (PSR)	Kadar Indikatif Promosi	Langganan Dana Pelaburan Minimum dalam TIA-i	Langganan Dana Pelaburan Maksimum dalam TIA-i bagi setiap Pelabur
31/12/2019 hingga 06/01/2020	3bulan	85:15	4.05% p.a.	RM2,000	RM5,000,000

Mekanisme Promosi

- Pembaharuan:** “Kadar Indikatif Promosi” hanya digunakan untuk TIA-i bagi langganan dana untuk tempoh tiga (3) bulan. Sebarang pembaharuan kemudiannya akan tertakluk kepada kadar indikatif semasa HLISB sebagaimana yang digunakan semasa pembaharuan dilakukan.
- Untuk Pelabur yang mempunyai CASA-i / CASA dengan pihak HLISB / HLBB, Bank hanya boleh menerima Langganan dana yang dibuat melalui Hong Leong Connect dari CASA-i / CASA. Pelabur tanpa CASA-i / CASA dengan pihak Bank dikehendaki membuka CASA-i sebelum melanggar TIA-i.

Am

- Dengan menyertai Promosi ini, Pelabur bersetuju:
 - untuk mematuhi Terma dan Syarat di dalam ini;
 - bahawa semua keputusan Bank berkenaan semua perkara berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad dan konklusif;
 - untuk mengakses laman sesawang HLISB di www.hlisb.com.my dari sesama ke semasa untuk menyemak Terma dan Syarat Promosi dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa pindaan atau perubahan kepada Terma dan Syarat.
- HLISB berhak:
 - untuk menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma dan Syarat terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, atas budi bicara Bank, dengan cara menyiarkannya dalam laman sesawang Bank, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Bank dengan syarat notis dua puluh satu (21) hari hendaklah diberikan terlebih dahulu;
 - untuk melucutkan kelayakan mana-mana Pelabur atas apa jua sebab sekalipun yang dianggap wajar oleh HLISB / HLBB atas budi bicara mutlaknya daripada menyertai Promosi.
- Semua Terma dan Syarat yang mengawal pengendalian TIA-i milik Pelabur akan terus terpakai melainkan sekiranya Terma dan Syarat tersebut diubah atau dipinda.

4. Untuk melayakkan Pelabur menikmati Kadar Indikatif Promosi TIA-i, langganan TIA-i hendaklah dibuat dalam Tempoh Promosi sebagaimana yang ditentukan oleh pihak Bank melalui Hong Leong Connect.
5. Terma dan Syarat adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelabur bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa mahkamah-mahkamah Malaysia.
6. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat terkandung dalam ini dengan mana-mana bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi, maka Terma dan Syarat muktamad dalam laman sesawang HLISB akan diutamakan.
7. Terma dan Syarat ini dan Terma dan Syarat Am TIA-i hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Jika terdapat sebarang percanggahan maka Terma dan Syarat tertentu terkandung dalam ini hendaklah diutamakan dalam percanggahan tersebut.
8. Terma dan Syarat Am yang digunakan untuk Promosi ini boleh didapati di www.hlisb.com.my/IA-i
9. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk lebih dari satu dan begitu juga sebaliknya.

PRODUK INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (“PIDM”)